**Tingkatan : 5**
**Tema : Pembinaan Negara dan Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat**
**Bab 8 : Pembangunan dan Perpaduan Untuk Kesejahteraan**
**Tajuk : Pembangunan Ekonomi (m/s 197)**

**Tumpuan Rancangan Pembangunan Lima Tahun**

Pembangunan Kawasan Luar Bandar

Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Tujuan:

1. membasmi kemiskinan
2. menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum.

Dasar Pembangunan Nasional

- menyambung hasrat DEB sehingga tahun 2000

**Dua Tahap Rancangan Pembangunan Lima Tahun**

**Tahap Pertama (1956-1970)**

Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)

Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)

Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970)

**Tahap Pertama (1971-1990)**

Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)

Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)

Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)

Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)



**(1) Rancangan Malaya Pertama (1956-1960) (m/s 198)**

**Matlamat**

- Membangunkan kawasan luar bandar supaya jurang pendapatan Antara penduduk luar bandar dan bandar dirapatkan
- Mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar
- Mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan sumber pendapatan negara supaya negara tidak terlalu bergatung pada getah & bijih timah

Rancangan Malaya Pertama merupakan rancangan pembangunan bersepadu yang memberi penekanan terhadap sektor ekonomi, sosial dan awam.

Lengkapkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dalam rancangan tersebut.

| Sektor | Aktiviti |
|---|---|
| Ekonomi | i. Pembukaan tanah baru untuk pertanian digiatkan<br>ii. Penanaman semula getah oleh pekebun kecil getah secara ladang digalakkan<br>iii. Mempelbagaikan hasil keluaran pertanian<br>iv. Memperluaskan perusahaan melombong bijih timah |
| Sosial | Pelbagai perkhidmatan diberikan perhatian spt kesihatan, pendidikan dan perhubungan |
| Awam | Tumpuan kepada pembangunan infrstruktur spt balai polis, tentera, pejabat pos, mahkamah dan rumah kakitangan kerajaan |

Lengkapkan jadual di bawah (m/s 198)

| Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) | Agensi | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan(FELDA) |
|---|---|---|
| Membangunkan masyarakat luar bandar | Matlamat | Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar disamping meningkatkan hasil pertanian negara |
| i. Memberi pinjaman kepada pengusaha pertanian kecil<br>ii. Membantu pemasaran hasil pertanian<br>iii. Menggalakkan penyertaaan orang Melayu dalam sektor perniagaan<br>iv. Membangun dan memajukan masyarakat luar bandar melalui pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur | Peranan | i. Pembukaan tanah baru secara besar-besaran untuk pertanian<br>ii. Menyediakan petempatan baru yang dilengkapi dengan kemudahan asas |

**Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar**

**Ketua**

Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein
Timbalan Perdana Menteri Persekutuan T. Melayu

**Peranan**

Menyelaras dan menjayakan segala program pembangunan luar bandar

Penilaian Pencapaian Rancangan Malaya Pertama

Pencapaian Rancangan Malaya Pertama **kurang memberangsangkan** kerana ancaman komunis semasa zaman darurat menyebabkan sejumlah perbelanjaan negara dialihkan kepada keselamatan negara. Keadaan ini juga disebabkan oleh kejatuhan harga **komoditi getah dan bijih timah** di pasaran dunia.



**(2) Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)** **(m/s 199-200)**

**Tujuan Rancangan Malaya Kedua**

- Merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara pddk luar bandar
- .Mengurangkan kadar kemiskinan
- Meningkat taraf hidup rakyat

**Peranan Agensi**

**FELDA**

1. Menggiatkan program pembukaan tanah
2. Mempelbagaikan hasil pertanian negara bagi mengurangkan pergantungan terhadap getah dan bahan makanan impot

**FAMA**

1. Membantu petani mengatasi masalah pasaran hasil pertanian.
2. Meningkatkan pendapatan petani

Lengkapkan jadual di bawah

Bilik Gerakan Negara → **Tujuan**
Untuk menyelaraskan kegiatan pembangunan di peringkat negeri, daerah dan kampung.

Buku Merah → **Tujuan**
Mengandungi program, pelaksanaan dan kaedah mengesan tahap pencapaian .

**(3) Rancangan Malaysia Pertama** **( 1966 – 1970 )**

Bersifat bersepadu dan merangkumi semua bidang ekonomi dengan mempelbagaikan kegiatan ekonomi dlm sektor pertanian dan perindustrian

Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan peranan agensi yang terlibat.
(m/s 198-201)

| Agensi | Huraian |
|---|---|
| FELDA | - Pembukaan tanah semakin pesat<br>- Kemunculan pelbagai projek spt. Tiga Segi Jengka, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara |
| FELCRA | - Membantu FELDA membangunkan ekonomi kawasan luar Bandar |
| MARA | - Pada tahun 1966 RIDA digantikan dengan MARA (Majlis Amanah Rakyat) |
| BANK | - Bank Bumiputera ditubuhkan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perusahaan dan perdagangan |
| PERNAS | - Perbadanan Nasional Berhad ditubuhkan pada tahun 1969 untuk mengaktifkan penyertaan bumiputera dalam bidang perusahaan dan perdagangan |
| MARDI | - Ditubuhkan pada tahun 1969 untuk menjalankan penyelidikan dan memperkenalkan teknologi bagi meningkatkan hasil pengeluaran pertanian kecuali getah |
| MIDA | - Malaysian Industrial development Authority ditubuhkan pada tahun 1967 |



**( m/s 201)**

Rumusan Penilaian Rancangan Malaysia Pertama

**Membantutkan peningkatan pertumbuhan ekonomi negara**

Peristiwa: 13 Mei 1969

Membuktikan: Masalah perpaduan masih belum dapat dibendung

**(4) Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975** **( m/s 201-202)**

**MATLAMAT**

1. Menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum, kawasan dan wilayah
2. Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan menambahkan pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan bagi merapatkan jurang ekonomi
3. Menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi

**AGENSI & FUNGSI**

- **Agensi:** Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
  **Fungsi:** Menstabilkan harga padi

- **Agensi:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
  **Fungsi:** membangun dan memodenkan industri perikanan serta meningkatkan taraf hidup nelayan

- **Agensi:** Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)
  **Fungsi:** Membangunkan bandar

- **Agensi:** Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
  **Fungsi:** Membantu pekebun kecil getah dari segi penyelidikan dan penanaman semula getah

- **Agensi:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
  **Fungsi:** Membantu golongan petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi

- **Agensi :** Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)
  **Fungsi :** Memajukan sektor perindustrian dan perniagaan yang berkaitan dengan petroleum

- **Agensi :** Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
  **Fungsi :** Menggalakkan perindustrian dan perdagangan dengan menyediakan tapak perindustrian, perumahan, ruang pejabat dan kedai



## (5) Rancangan Malaysia Ketiga ( m/s 202 -203)

**MATLAMAT**

1. Usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.
2. Meneruskan program pembangunan pertanian dan perindustrian untuk meningkatkan produktiviti
3. Membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

**AGENSI**

- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)

**FUNGSI**

1. Pembukaan tanah secara besar-besaran
2. Tumpuan diberikan terhadap penanaman getah dan kelapa sawit kerana keperluan eksport
3. Peranannya diperluaskan dalam sektor pembangunan industri dan pembangunan bandar baru

## (6) Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) (m/s 203-204)






**Peranan agensi yang ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.**

**(m/s 203-204)**

| Agensi | Fungsi |
|---|---|
| Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) | - untuk mengenalpasti, memulakan, dan menguruskan projek industri berat .<br>- mengiatkan perindustrian.<br>- menggalakan pelaburan modal asing.<br>- buka kawasan perindustrian spt Skudai, Senawang, Bintulu, Senawang dan Likas. |
| Permodalan Nasional Berhad ( PNB) | - mengimbangi pemilikan harta dan saham perindustrian antara kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera. |
| Skim Amanah Saham Nasional (ASN) | - mengimbangi pemilikan harta dan saham perindustrian antara kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera. |

**Pelaksanaan dasar kerajaan (m/s 204)**

| Dasar kerajaan | Pelaksanaannya |
|---|---|
| Kajian Dasar Perindustrian Malaysia | - mengenalpasti kelemahan dalam struktur perindustrian negara. |
| Pelan induk Perindustrian | - menyediakan hala tuju pembangunan industri dan strategi pelaksanaannya. |
| Dasar Penswastaan dan Dasar Pensyarikatan Malaysia | - penglibatan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara.<br>- dapat mengurangkan bebanan kewangan kerajaan. |
| Dasar Pertanian Negara | - memodenkan dan mengiatkan semula sektor pertanian secara bersepadu dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan. |

**(7) Rancangan Malaysia Kelima ( 1986-1990) (m/s 205)**

| Sektor | Langkah |
| --- | --- |
| **Sektor Perindustrian** | - melonggarkan hak milik syarikat dan perlesenan dalam sektor swasta.<br>- melonggarkan syarat pelaburan modal asing.<br>- berusaha meningkatkan kecekapan. |
| **Pembangunan Kawasan Luar Bandar** | - penggunaan tanah yang cekap.<br>- majukan industri desa yang berpotensi spt kraftangan.<br>- kemudahan kredit dan intensif. Cth Bank Pertanian Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia. |
| **Sektor Pelancongan** | Pelancaran Tahun melawat Malaysia pada tahun 1990. |
| **Sektor Penyelidikan dan Pembangunan** | Meningkatkan kecekapan dan keupayaan guna tenaga tempatan untuk meningkatkan produktiviti. |



**Kejayaan Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (m/s 205)**



## DASAR PEMBANGUNAN EKONOMI (m/s 206)

**1. Senaraikan dasar pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan.**




**2. Dasar Pertanian Negara**

**2.1 Nyatakan matlamat Dasar Pertanian Negara**






**2.2 Jelaskan strategi Dasar Pertanian Negara** **(m/s 206)**




**3. Dasar Pensyarikatan Malaysia**

**1.1 Jelaskan matlamat Dasar Pensyarikatan Malaysia**

Untuk merangsang penglibatan setor **swasta secara aktif dan berkesan** dalam pembangunan negara

### 1.2 Huraikan strategi Dasar Pensyarikatan Malaysia (m/s 206-207)

**Strategi Dasar Pensyarikatan Malaysia**

⇓

Malaysia dianggap sebagai **sebuah syarikat yang dimiliki bersama** oleh kerajaan dan swasta

⇓

Semua kakitangan **kerajaan dan swasta merupakan pemilik saham** dan pekerja yang dipertanggungjawabkan memajukan syarikat ini

⇓

Sebuah panel perunding antara kerajaan dan swasta ditubuhkan untuk melaksanakan dasar tersebut

⇓

Pegawai kerajaan ditempatkan di syarikat swasta untuk menjalinkan hubungan dan berkongsi kepakaran

⇓

Sektor swasta perlu memahami dasar kerajaan yang mengutamakan kepentingan nasional dalam aktiviti ekonomi di samping mendapat keuntungan maksimun

⇓

**Pihak kerajaan bertindak memberikan perkhidmatan sokongan bagi memudahkan operasi sektor swasta**



### 4. Dasar Penswastaan (m/s 207)

**Matlamat Dasar Penswastaan**

- Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- **Meningkatkan produktiviti** serta kualiti perkhidmatan atau barangan
- **Mempercepatkan pembangunan ekonomi melalui pelaburan modal oleh sektor swasta**

### Strategi Pelaksanaan Dasar Penswastaan

1. Kerajaan memindahkan perkhidmatan,pelaburan dan kuasa tertentu kepada sektor swasta.
2. UPE bertindak sebagai jawatankuasa penswastaan yang memberi garis panduan kepada sesebuah Kementerian atau jabatan yang ingin menjalankan penswastaan
3. Penswastaan dijalankan secara sepenuhnya atau secara sebahagian

## Bab 8: Dasar Pembangunan Ekonomi (m/s 208)

**Matlamat**

- Membangunkan kawasan luar bandar
- Meningkatkan pendapatan golongan petani dan pekerja desa melalui penglibatan mereka dalam sector pelaburan

**Strategi Pelaksanaan**

**Strategi Pertama**
Mengelompokkkan kampong-kampung menjadi petempatan yang lebih besar supaya segala kemudahan dapat disediakan dengan lebih ekonomik

**Strategi Kedua**
Meningkatkan pendapatan golongan petani dan pekerja desa melalui program usahawan desa yang terlibat dengan industri pembuatan barangan

**Strategi Ketiga**
Pelaksanaan projek pembangunan oleh agensi kerajaan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar

## Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara (DPDPN). (m/s 208-209)

1. Mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang berterusan walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran

2. Peningkatan hasil pendapatan negara bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar

3. memastikan penggunaan sumber tenaga pada tahap maksima bagi mengelakkan sebarang pembaziran

4. Memastikan sector perindustrian dapat bersaing pada peringkat antarabangsa



## Dasar Kependudukan (29 Mac 1984) (m/s 209)

**Matlamat** → Untuk mencapai sasaran 70 juta penduduk menjelang 2100

**Kepentingan** →
1. Pertumbuhan penduduk dalam jangka masa yang panjang akan memberikan kesan positif terhadap bekalan tenaga kerja
2. Jumlah penduduk yang besar akan menyumbang ke arah kekuatan politik dan keselamatan negara

**Strategi** →
1. Menitikberatkan keselarasan antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pembangunan sosioekonomi negara khususnya yang berkaitan dengan kemudahan pendidikan,perumahan,kesihatan dan peluang pekerjaan.
2. Segala program negara didasarkan pada unjuran jumlah penduduk untuk memastikan pertambahan jumlah penduduk tidak mendatangkan masalah kepada negara.

**Bab 8 : Pembangunan dan Perpaduan Untuk Kesejahteraan**
**Tajuk : Pembangunan dan Pepaduan Bangsa (m/s 210)**

**(1) Rukun Negara**

1. Maksud Rukun Negara (m/s:211)

Ideologi Negara Malaysia untuk mewujudkan perpaduan kaum

2. Peranan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) (m/s: 210)




3. Badan yang bertanggungjawab membantuk ideologi Rukun Negara.
(m/s :210)

Majlis Perundangan Negara



4. Matlamat Rukun Negara (m/s: 211)




5. Prinsip-prinsip Rukun Negara (m/s: 211-212)

| Prinsip-prinsip Rukun Negara | Huraian |
|---|---|
| Kepercayaan Kepada Tuhan | - Agama mendorong kebaikan<br>- Rakyat yang beragama mudah untuk Menjadi warganegara yang baik |
| Kesetiaan Kepada Raja dan Negara | - Raja sebagai simbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa peribumi<br>- Penderhakaan merupakan kesalahan besar terhadap Raja dan Negara. |
| Keluhuran Perlembagaan | - Meletakkan perlembagaan ditempat yang tinggi, suci dan agung<br>- Rakyat perlu menerima dan mempertahankan perlembagaan. |
| Kedaulatan Undang-undang | - Rakyat perlu menghormati dan tidak melanggar undang-undang<br>- Rakyat bertangungjawab mendaulatkan undang-undang. |
| Kesopanan dan Kesusilaan | - Sopan santun dan tatasusila perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. |

**(2) Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan**
(m/s 212-214)

(i) Nyatakan langkah-langkah ke arah Sistem Pendidikan Kebangsaan

Laporan Barnes 1950
↓
Laporan Fenn Wu 1951
↓
Ordinan Pelajaran 1952
↓
Penyata Razak 1956
↓
Ordinan Pelajaran 1957
↓
Laporan Rahman Talib 1960
↓
Akta Pelajaran 1961
↓
Jawatankuasa Kabinet 1974



(ii) Dasar Pendidikan Kebangsaan dan cadangan (m/s 212-214)

| **Dasar Pendidikan Kebangsaan** | **Tahun** | **Cadangan** |
|---|---|---|
| Laporan Barnes | 1950 | • Semua sekolah vernakular dibubarkan dan digantikan dengan sekolah kebangsaan<br>• Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di peringkat sekolah rendah<br>• Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di SM dan peringkat lebih tinggi<br>• ditentang oleh orang Cina kerana bahasa ibundanya tergugat |
| Laporan Fenn Wu | 1951 | • Mewakili masyarakat Cina mencadangkan sekolah vernakular Cina dikekalkan walaupun setuju sistem pendidikan kebangsaan |
| Ordinan Pelajaran | 1952 | • Mengambil kira laporan Barnes dan Fenn Wu<br>• Sistem persekolahan menggunakan dua bahasa pengantar iaitu BI dan BM<br>• Pengajaran bhs cina dan tamil disediakan<br>• BM wajib diajar di sekolah Inggeris<br>• BI wajib diajar di sekolah Melayu<br><br>( tidak dapat dilaksanakan tentangan masyarakat cina dan India, kekurangan kewanan dan ancaman komunis) |
| Penyata Razak | 1956 | • Sistem persekolahan yang sama untuk semua penduduk<br>• Menyeragamkan kurikulum bercorak kebangsaan<br>• Penubuhan sekolah umum rendah menggunakan BM sebagai bahasa pengantar<br>• Penubuhan sekolah jenis umum rendah dengan BI, bhs Cina dan Tamil sebagai bhs pengantar<br>• BM bhs pengantar di sekolah menengah Melayu<br>• BI sebagai bhs pengantar sekolah Inggeris<br>• BI dan BM wajib diajar di semua sekolah |

| | | |
|---|---|---|
| Penyata Rahman Talib | 1960 | • Sekolah umum dan jenis umum dijadikan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan untuk memupuk perpaduan kaum<br>• Semua pelajar sekolah rendah kerajaan diberi pelajaran percuma tanpa kira kaum<br>• BM bhs pengantar di sek rendah dan sek menengah<br>• Pendidikan Islam diajar di sek jika terdapat tidak kurang 15 pelajar Islam<br>• Bhs cina dan tamil diaja di sek keb jika terdapat tidak kurang 15 pelajar<br>• Semua peperiksaan awam dalam bhs keb |
| Kajian Aminudin Baki | | • Mempekenalkan sistem persekolahan aneka jurusan (menampung pelajar yang gagal memasuki sek men akademik<br>• Menyediakan pelajaran peringkat men ren hingga berumur 5 tahun dengan kursus kemahiran<br>• M/pelajaran wajib diajar di sek men biasa |
| Jawatankuasa Kabinet | 1974 | • Mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan<br>• Menilai keberkesanan dasar pelajaran kebangsaan<br>• Mengenalpasti melahirkan masyarakat bersatupadu dan berdisiplin<br>• penekanan kemahiran 3M<br>• Kenaikan darjah secara automatic<br>• Penekanan sek vokasional dan sukatan pelajaran sek swasta<br>• BM sebagai m/pel wajib dalam peperiksaan<br>• Penekanan terhadap kokurikulum dan disiplin<br>• KBSR 1982 dan KBSM 1988 penekanan perkembangan JERI |



(iii) Matlamat Falsasah Pendidikan Kebangsaan (m/s 215)

Pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan

↓

Melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi JERI

↓

Melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri

↓

Menyumbang keharmonian keluarga, masyarakat dan negara

(iv) Akta Bahasa Kebangsaan (m/s216)






**(v) Dasar Kebudayaan Kebangsaan (m/s 217)**




**(vi) Sukan Untuk Perpaduan (m/s 218)**



**Tingkatan : 5**
**Tema : Pembinaan Negara dan Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat**
**Bab 8 : Malaysia ke arah Negara Maju**
**Tajuk : Wawasan 2020** **(m/s 219)**

**MATLAMAT WAWASAN 2020**

Menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara industri yang maju dengan menggunakan acuan sendiri setanding dengan negara maju di dunia

**SEMBILAN CABARAN WAWASAN 2020**

- Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu
- Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan
- Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang
- Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika
- Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertolenrasi
- Membina masyarakat yang maju dan saintifik
- Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang
- Menjamin masyarakat ang adil dan saksama
- Memupuk dan membina masyarakat makmur